**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**
**02 OGOS 2018**

**Commented [1]:** <!--tr>
<th colspan="2" class="text-center">02 OGOS 2018</th>
</tr-->

**PERKARA : 4(B)(XII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI**
**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

11. Semasa lawatan Ketua Menteri (KM) ke Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 28/5/18, diadakan dialog bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Majlis. Justeru, KM telah putuskan arahan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (YDP MPSP) untuk mendapatkan ulasan/pandangan ADUN untuk sebarang permohonan projek pembangunan dan kerja tanah untuk mengurangkan risiko tanah runtuh dan banjir lumpur di kawasan.

    (a) Bagaimanakah keputusan KM telah dikuatkuasakan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH**
**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Keputusan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang supaya Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP) mendapatkan ulasan atau pandangan YB. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan bagi sebarang permohonan projek pembangunan dan kerja tanah untuk mengurangkan risiko tanah runtuh dan banjir lumpur masih belum dikuatkuasakan di MPSP. Buat masa ini, MPSP masih di peringkat mengkaji kaedah pelaksanaan terbaik dengan mengambil kira aspek-aspek perundangan yang berkaitan. Ini bagi memastikan pelaksanaan prosedur ini tidak bercanggah dengan peruntukan perundangan sedia ada serta tidak akan menjejaskan proses dan tempoh masa permohonan pembangunan yang telah ditetapkan se